



KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PERASMIAN TRANSFORMASI KEUSAHAWANAN KOPERASI SEKOLAH ZON SELATAN TAHUN 2020

MELAKA, 17 Februari 2020 : YB Datuk Seri Redzuan Mohd Yusof, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah merasmikan Program Transformasi Keusahawanan Koperasi Sekolah Zon Selatan Tahun 2020 di Melaka hari ini.

Program yang berlangsung selama dua (2) hari itu adalah anjuran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya Koperasi) yang merupakan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) yang melibatkan penyertaan daripada Pengetua dan guru pembimbing koperasi sekolah di Negeri Melaka, Negeri Sembilan dan Negeri Johor.

Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan pembangunan kapasiti dan latihan serta pembelajaran berhubung keusahawanan dengan menerapkan model *Business Canvas* kepada guru pembimbing koperasi di 400 sekolah di seluruh negara dan seterusnya boleh mendidik dan menjadi mentor kepada pelajar di sekolah masing-masing untuk menguruskan perniagaan koperasi.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof menegaskan bahawa Dasar Keusahawan Negara 2030 (DKN 2030) yang diperkenalkan oleh MEDAC telah meletakkan gerakan koperasi sebagai pemangkin untuk meningkatkan budaya keusahawanan dalam kalangan masyarakat Malaysia melalui teras-teras strategik yang telah ditetapkan. Menurut beliau lagi adalah menjadi harapan agar gerakan koperasi dapat meningkatkan perolehan sebanyak RM100 bilion pada tahun 2030 seperti yang disasarkan dalam DKN 2030.

Sehingga 31 Disember 2019, sebanyak 14,626 koperasi telah berdaftar di bawah Suruhanjaya Koperasi dengan bilangan ahli melebihi 6 juta anggota yang memainkan peranan penting dalam memacu hala tuju pembangunan usahawan negara. Daripada jumlah itu, lebih 2,400 koperasi sekolah telah berdaftar dengan bilangan anggota sebanyak 1.6 juta. Untuk rekod, koperasi sekolah telah mencatatkan jumlah perolehan sebanyak RM400.5 juta pada tahun 2018 dan modal syer sebanyak RM26.66 juta manakala jumlah aset sebanyak RM365.54 juta.

Di majlis itu juga, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof turut menyerahkan *mock cheque* bantuan pembangunan kepada lapan (8) koperasi sekolah di Zon Selatan berjumlah RM291,000.00. Pada tahun 2019, MEDAC melalui Suruhanjaya Koperasi telah meluluskan sebanyak RM1.86 juta bantuan pembangunan kepada 55 koperasi sekolah di seluruh negara. Beliau mengharapkan penglibatan pelajar dalam koperasi sekolah mampu membentuk kekuatan mental, rohani dan ilmu bagi mengharungi dunia keusahawanan kompetitif.

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
17 FEBRUARI 2020